



مَسْجِدُ سَيِّدِنَا عَلِيٍّ بُؤَكَيْتُ سَنْتُوسَا

MASJID SAIDINA ALI  
JALAN ANGGERIK 6, SEKSYEN BS7, BUKIT SENTOSA 2,  
48300 RAWANG, SELANGOR DARUL EHSAN.  
TEL : 03-6021 5776  
EMail : [masjidsaidinaali2016@gmail.com](mailto:masjidsaidinaali2016@gmail.com)  
Laman Web : [www.masjidsaidinaali.com.my](http://www.masjidsaidinaali.com.my)

TARIKH :01 OGOS 2022

Kepada:  
SEMUA AHLI KARIAH MASJID SAIDINA ALI

**ASSALAMUALAIKUM WBT.**

Tuan/Puan,  
**PENDAFTARAN, SEMAKAN DAN BANTAHAN DAFTAR AHLI KARIAH UNTUK MESYUARAT AGUNG KHAS PENCALONAN DAN PEMILIHAN ANGGOTA JAWATANKUASA KARIAH DAN PEMERIKSA KIRA-KIRA BAGI MASJID SAIDINA ALI BAGI SESI 2023/2025**

Sukacita dimaklumkan Masjid Saidina Ali akan mengadakan Mesyuarat Agung Khas Pencalonan dan Pemilihan Anggota Jawatankuasa Kariah dan Pemeriksa Kira-kira bagi Sesi 2023/2025 yang akan diadakan tidak lama lagi.

2. Sehubungan dengan itu, bagi melayakkan tuan/puan mengundi atau dicalonkan untuk jawatan yang disebutkan, tuan/puan hendaklah mendaftar sebagai Ahli Kariah Berdaftar. Pendaftaran dan Semakan boleh dibuat secara 'online' dengan melayari laman web Masjid Saidina Ali di pautan [www.masjidsaidinaali.com.my](http://www.masjidsaidinaali.com.my) atau mendapatkan borang Pendaftaran Ahli Kariah di pejabat masjid pada waktu pejabat.
3. Semakan secara manual boleh dibuat dengan melihat papan kenyataan dimasjid atau surau masing-masing. Tuan/puan juga boleh menghubungi Pengerusi/Setiausaha surau masing-masing bagi membuat semakan.

4. Syarat-Syarat kelayakan Ahli Kariah Berdaftar adalah seperti berikut :-

Mana-mana orang yang layak menjadi ahli kariah berdaftar bagi sesuatu masjid dan surau jika memenuhi syarat-syarat kelayakan seperti berikut :-

- a. Warganegara Malaysia
- b. Berumur 18 tahun dan ke atas.
- c. Berpegang dan beramal dengan pegangan **Ahli Sunah Waljamaah**; dan
- d. Tinggal tetap bermukim atau bermastautin sekurang-kurangnya tempoh **empat (4) bulan** di dalam sesuatu kariah masjid atau surau yang dia hendak mendaftarkan dirinya sebagai ahli kariah berdaftar.

5. Bantahan kepada mana-mana ahli kariah yang tidak layak menjadi ahli kariah berdaftar boleh buat secara 'online' di laman web masjid (seperti diatas) atau dengan mendapatkan borang bantahan di pejabat masjid.

**6. Tarikh Tutup Bagi Pendaftaran dan Bantahan adalah 30 OGOS 2022. JAM 5:00 petang.** Selepas tarikh dan waktu tersebut, pendaftaran akan ditutup dan senarai akan dianggap sebagai muktamad dan sah.

Sekian, terima kasih.

Yang Menjalankan Tugas,



( NOR ARISHAM BIN HAJI BAKAR )

Setiausaha,  
MASJID SAIDINA ALI

*c.c. Fail*